



**CAHAYA
SOCIETY**
EDUCATION FOR ALL

W A R T A C A H A Y A

NOV
2025

SIAPA KAMI?

Cahaya Society ialah organisasi yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia sebagai Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah.

Ditubuhkan pada Januari 2019 dan berfokus pada kepada advokasi pendidikan alternatif untuk anak-anak tanpa negara, kebajikan sosial dan pemberdayaan komuniti di Sandakan, Sabah.

Selain itu, Cahaya Society juga aktif dalam menerbitkan karya dan tulisan tempatan di laman rasmi menerusi ruangan Arkib Cahaya bagi mengangkat apresiasi terhadap tulisan sama ada berbentuk ulasan buku, reviu filem, puisi, mahupun cerpen.

Demi Pendidikan,

Merdeka!



BIKIN APA?



Consultation Workshop on Addressing Child Labour through Enhanced Access to Education in Sabah

Cahaya Society menghadiri bengkel konsultasi yang dianjurkan oleh ILO, EU dan UNICEF bagi memahami serta mencari ruang untuk menamatkan buruh kanak-kanak di Sabah melalui pendidikan. Dialog ini melibatkan pelbagai pemegang taruh termasuk Majlis Keselamatan Negara, kesatuan buruh dan NGO/CSO. Sejak 2019, Cahaya Society konsisten menegaskan bahawa semua kanak-kanak berhak mendapat ruang selamat untuk belajar, seterusnya dilindungi daripada sebarang bentuk eksploitasi, termasuk buruh paksa



Rural Social Enterprise Gathering 2025

Bagi RSEG 2025, Cahaya Society berpeluang mengikuti program yang meraikan penceramah, tetamu kehormat dan rakan kerjasama melalui 40 plak sulaman daripada SandaStitch & Craft, diasaskan oleh Radzmil, bekas pelajar dan kini alumni Cahaya. Setiap plak yang unik melambangkan penghargaan, kreativiti dan semangat inisiatif belia, serta mempamerkan kerjasama dan impak dalam memajukan perusahaan sosial luar bandar



Gift Of Smile(GoS)- Anjung Bakti

Program Gifts of Smiles dilaksanakan bagi membangunkan pustaka, Child Friendly Space dan aktiviti membuat penanda buku bersama anak-anak di Anjung Bakti bersama pasukan Kelab Alumni Cahaya. Ruang ini menjadi tempat bermain yang selamat dan menyeronokkan untuk mereka. Terima kasih kepada semua yang menyumbang buku, hadiah dan mainan bagi menjayakan inisiatif ini.



Program Mystery Shopping oleh Majlis Perbandaran Sandakan-Rasmi

Cahaya Society mengucapkan terima kasih kepada Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) atas pelantikan mereka sebagai salah satu rakan pelaksana dalam menilai kualiti penyampaian perkhidmatan digital, fizikal dan konvensional. Penilaian ini penting untuk memastikan pematuhan SOP, dan pengalaman tersebut turut memberi peluang kepada pasukan untuk menimba pelbagai ilmu baharu



Gift Of Smile(GoS)- Madrasah Nur Jannah

Pasukan meneruskan kerja-kerja menyusun buku dan mainan bagi mewujudkan ruang Child Friendly Space di bawah inisiatif Gift of Smiles. Aktiviti ini turut disertai oleh anak-anak yang membantu dengan penuh semangat. Usaha ini dijalankan di Madrasah Nur Jannah sebagai salah satu langkah menyediakan ruang pembelajaran dan permainan yang selamat serta mesra kanak-kanak.



Planet Kita 2.0

Anak-anak Cahaya menjalankan briswalk sambil melaksanakan aktiviti pembersihan di Pantai Pasir Putih, yang kini kelihatan lebih bersih dan menarik. Enam beg sampah besar berjaya dikumpulkan, terdiri daripada polisterin, botol plastik dan pelbagai jenis sisa lain. Anak-anak Cahaya turut terpengkil menggerakkan inisiatif Planet Kita sebagai respons terhadap isu sampah dan kebersihan di kawasan bandar, dan usaha ini akan diteruskan di lokasi seterusnya



Program Vaksinasi Measles & Rubella NCSM x Cahaya Society - Pusat SAR Iklas Bakti

Cahaya Society menerima kehadiran National Cancer Society Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia ke Pusat Pembelajaran Cahaya bagi melaksanakan pemberian vaksin Measles & Rubella kepada anak-anak. Program ini memastikan mereka mendapat perlindungan kesihatan asas, selaras dengan prinsip bahawa hak untuk sihat adalah hak semua.



Lantikan Sebagai Badan Pemerhati Bebas PRU Dewan Undangan Sabah 2025

Cahaya Society telah dilantik oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) sebagai badan pemerhati bebas bagi Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Sabah 2025. Pelantikan ini membuka pengalaman baharu kepada pasukan CS untuk terlibat dalam ruang pendidikan sivik melalui pemantauan proses pilihan raya dan perjalanan demokrasi negara. SPR turut dirakamkan penghargaan atas kepercayaan ini, dan pasukan CS menegaskan bahawa kehadiran mereka di kempen politik adalah sebagai pemerhati, bukan jentera parti.

BIKIN APA?



Lawatan Philanthropy Circle x Cahaya Society

Asia Philanthropy Circle (APC) baru-baru ini mengadakan lawatan ke Cahaya Society bagi memahami secara lebih dekat program pendidikan dan pemerkasaan anak-anak. Lawatan ini memberikan peluang kepada wakil APC untuk melihat secara langsung usaha Cahaya Society dalam menyediakan ruang selamat dan menyokong perkembangan kanak-kanak melalui pendidikan serta aktiviti kreatif. Pertemuan ini juga membuka ruang untuk potensi kerjasama dan sokongan masa depan dalam misi memajukan pendidikan dan pemerkasaan komuniti



CLC- Dapur Kucar Kacir

Cahaya Society menjalankan aktiviti memasak bersama anak-anak secara berkumpulan. Setiap kumpulan menerima tugas membeli bahan masakan bernilai RM40, dan pemenang dipilih berdasarkan kumpulan yang berjaya menjimatkan baki paling banyak. Aktiviti ini menggalakkan kreativiti serta kerjasama, dan hasil masakan para peserta ternyata enak seperti yang dipaparkan dalam gambar.



Pesta Akhir Tahun 2025

Cahaya Society menganjurkan Pesta Akhir Tahun yang meriah bagi anak-anak Cahaya bersama pelajar Youth socioeconomic programs (YSP). Acara ini menampilkan pelbagai aktiviti menarik termasuk penyampaian sijil dan piala kepada pelajar terbaik Cahaya dan YSP, persembahan ukulele, cabutan bertuah, serta penghargaan kepada pelajar. Selain itu, penyampaian kategori istimewa turut diadakan, termasuk kelas paling nakal berakal, kelas paling tumbuh berjuang, dan kelas paling sakti bakti, diikuti tayangan montaj untuk merakam detik-detik sepanjang tahun. Pesta ini bertujuan meraikan pencapaian anak-anak dan pelajar, sambil mengukuhkan semangat komuniti, kreativiti, dan kerjasama antara generasi muda



Festival Anak Kita

Cahaya Society menganjurkan Festival Anak Kita sempena Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia, dengan program sederhana namun meriah di tepi pantai, atas tanah dan di bawah pokok. Aktiviti termasuk ketawa, menari, makan bersama dan bergembira bersama anak-anak. Sejak 2019, Cahaya Society terus menanam benih pendidikan kepada anak-anak, sambil menyeru masyarakat untuk mendengar, melindungi dan menghargai cita-cita mereka demi memastikan semua kanak-kanak menikmati kebebasan dan hak mereka



CERITA DARI BAWAH

Prihatin Kesihatan - Program Vaksinasi Demam Campak dan Rubella (Measles & Rubella)

Program Prihatin Kesihatan telah dilaksanakan bagi menyediakan saringan kesihatan dan vaksinasi demam campak dan rubella kepada lebih 200 orang kanak-kanak daripada komuniti marginal, dengan kerjasama National Cancer Society Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Program ini bertujuan meningkatkan perlindungan kanak-kanak daripada penyakit berjangkit serta mengurangkan risiko penularan dalam komuniti terpinggir. Vaksinasi merupakan langkah pencegahan paling berkesan dan turut menyumbang kepada perlindungan komuniti melalui imuniti kelompok (*herd immunity*).

Selaras dengan Program Imunisasi Kebangsaan KKM, Cahaya Society telah menggerakkan tiga (3) pusat pemberian vaksin iaitu Pusat Pembelajaran Cahaya, Pusat Pembelajaran Teratak Ilmu dan Sekolah Agama Rakyat (SAR) Ikhlas Bakti, pada 13 hingga 14 November lalu.



BULAN DEPAN, BIKIN APA?

W A R T A C A H A Y A

Mesyuarat Agung Tahunan

Cahaya Society mengadakan perbincangan refleksi 2025 dan pelan pembangunan menjelang tahun 2026.

Bengkel Pengurusan Organisasi

Bengkel yang menyasarkan Kelab Alumni Cahaya dan penyerahan kepimpinan untuk sesi 2026/2027,

GARAJ CAHAYA

W A R T A C A H A Y A



GRAB YOURS NOW:



IMBAS UNTUK
DAFTAR
AHLI

TERIMA KASIH!
MAGSUKUL!

Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah

8603686012 (CIMB Bank)



CAHAYA ENTERPRISE-QR

"Pendidikan Untuk Semua"

🌐 cahayasociety.org
✉ cahayasociety@gmail.com
☎ 089 666 915